

Pecipta'19

"INNOVATION BEYOND IMAGINATION"



MENGENAI SEMINAR

Buluh merupakan bahan bukan kayu dan hasrat kementerian sebagai alternatif dalam menggantikan kayu. Penggunaan buluh bukan sahaja tertumpu kepada pembuatan produk struktur kejuruteraan atau bahan perkakasan semata – mata tetapi juga boleh menjadi bahan bernilai tambah. Seminar ini diadakan bertujuan perkongsian pengetahuan dan pemahaman potensi penggunaan gentian buluh dalam pembuatan *yarn* (benang) dan pemprosesan fabrik tenun (*woven*) dalam industri tekstil sekaligus meningkatkan potensi pengeluaran produk baharu berasaskan buluh di Malaysia. Seminar ini juga dapat menjadi platform bagi rangkaian kerjasama dan hubungan di antara Kementerian Industri Utama dengan pengusaha industri buluh, industri tekstil, serta agensi-agensi yang berkaitan.

TENTATIF PROGRAM

<p>10.20 pagi 10.30 pagi</p>	<p>Ketibaan Tetamu (Peserta PECIPTA'19) Ucaptama 1 : "Asal Buluh Menjadi Lemang Benang" Oleh Ts. Dr. Mohd Nazrul bin Roslan, Ketua Pusat Teknologi Lanjutan (ATC) Ucaptama 2 : "Natural Fibre Manufacturing in Malaysia : A Perspective View in Textile Industry" Oleh Cik Regina Leong, Presiden Malaysian Textile and Apparel Centre (MATAC) Ucaptama 3 : "Natural Fibre Extraction : Design Challenge" Oleh Prof. Dr. Yusri bin Yusof, Penyelidik Utama Pusat Pembuatan dan Bahan termaju (AMMC)</p>	<p>12.05 tengahari</p>	<p>Nyanyian Lagu Negaraku dan Bacaan Doa</p> <p>Ucapan Aluan YBhg. Prof. Ts. Dr. Wahid Bin Razzaly Naib Canselor UTHM</p> <p>Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama</p>
<p>12.00 tengahari</p>	<p>Ketibaan Tetamu Jemputan Prof. Ts. Dr. Wahid Bin Razzaly, Naib Canselor UTHM YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama YB Tuan Wong Tack Pengerusi MTIB YBrs. Encik Mohd Kheiruddin Mohd Rani Timbalan Ketua Pengarah MTIB</p>	<p>12.30 tengahari</p>	<p>Tayangan Montaj</p> <p>Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Kajian Kerjasama dalam Pembangunan Tekstil Berasaskan Gentian Buluh (MTIB-UTHM)</p> <p>Perasmian dan Pertukaran Plak 'MTIB – UTHM Research Laboratory'</p> <p>Lawatan ke booth Pameran dan Demonstrasi Mesin Tenun</p>
		<p>12.40 petang</p>	<p>Sidang Media & Makan Tengahari</p>
		<p>1.00 petang</p>	<p>Bersurai</p>



PENGESAHAN KEHADIRAN

Saya dengan ini mengesahkan kehadiran saya seperti butiran berikut:

GELARAN TAN SRI / DATO' / PROF. / DR. / IR. / TS / TUAN / PUAN

NAMA:

NRIC / PASSPORT NO.

NAMA SYARIKAT

ALAMAT

POSKOD BANDAR

HP TEL

Tarikh tutup pendaftaran: **20 SEPTEMBER 2019 (Jumaat)**

Sila hantar pengesahan pendaftaran ke atamat berikut:

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

Tingkat 13-17, Menara PGRM, No. 8 Jln Pudu Ulu

Cheras 56100 Kuala Lumpur

Fax: 03-92846214

email: mtibpecipta.2019@gmail.com

• Prof. Madya Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor • Ts. Dr. Mohd Nazrul Roslan

Mobile: +(60)0127684835

Mobile: +(60)0137440614

• Puan Norhazaedawati Baharuddin

• Encik Mohd Fariz Ahmad

Mobile: +(60)0122826264

Mobile: +(60)0105692254



TS. DR. MOHD NAZRUL ROSLAN

KETUA PUSAT PENYELIDIKAN
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Ts. Dr. Mohd Nazrul bin Roslan ialah seorang staf berjawatan Felo Industri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor. Anak kelahiran Johor ini telah mendapat pendidikan di bidang teknikal seawal bermula bersekolah di Sekolah Menengah Teknik Kota Tinggi, Johor. Beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah pertama di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan sebelum berkhidmat di Panasonic Communications (Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai Jurutera Mekanikal. Dr. Nazrul telah mula berkhidmat di UTHM pada tahun 2009 sebagai seorang Jurutera Pengajar dan terlibat dalam penyelidikan, pengajaran & pembelajaran di bidang tekstil industri. Beliau kemudian telah melanjutkan pengajian diperingkat Sarjana secara separuh masa di UTHM. Berbekalkan iltizam dan semangat didalam bidang yang diceburi, beliau telah berjaya memperoleh PhD daripada Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Antara projek yang beliau telah sumbangkan adalah pembangunan teknologi pintalan dan tenunan serat semulajadi seperti kenaf, dan nanas. Selain tugas hakiki sebagai pendidik dan penyelidik, beliau juga aktif dengan sumbangan kepakaran lain samada di peringkat fakulti, universiti mahupun masyarakat. Kini, Dr. Nazrul menyandang tugas sebagai Ketua Pusat Penyelidikan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM kampus Pagoh.



CIK REGINA LEONG

PRESIDEN
MALAYSIAN TEXTILE AND APPAREL CENTRE

Cik Regina Leong mempunyai 15 tahun pengalaman di pelbagai bidang antaranya pendidikan, latihan, pengiklanan, hotel dan syarikat perdagangan. Jawatan terkini beliau adalah Executive Director dan Group General Manager dibawah syarikat Trackland Sdn Bhd. Beliau bertanggungjawab mengetuai aktiviti pemasaran dalam meningkatkan penjenamaan B.U.M Equipment di Malaysia. Selain terlibat didalam operasi pembuatan pakaian B.U.M, portfolio utama beliau adalah menerajui teknologi pembuatan pintar (smart manufacturing) ke arah Industri 4.0 dan pembangunan pasaran digital melalui perniagaan online. Cik Regina berkelulusan Ijazah sarjana muda teknologi maklumat (major; Sains informasi) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (2000). Pada tahun 2012, selain daripada tugas hakiki, beliau telah berkhidmat sebagai Presiden, di Malaysian Textile and Apparel Centre (MATAC). Selain itu, Cik Regina juga adalah ahli exco di Malaysian Textile Manufacturers Association (MTMA). Beliau bekerja rapat bersama kedua-dua badan ini di bahagian rundingan perdagangan (trade negotiation), pembangunan modal insan, dan sebagainya. Cik Regina juga adalah setiausaha tetap di ASEAN Federation of Textile Industries (AFTEX) dimana beliau juga mewakili MTMA di Asian Chemical Fiber Industries Federation (ACFIF). Beliau sangat aktif dalam usaha mempromosi industri tekstil dan pakaian di Malaysia selain semangat kesungguhan di pembangunan perniagaan, pemasaran kreatif, teknologi dan inovasi. Cik Regina seorang yang berhati waja dalam pembangunan generasi -Y dibidang pemasaran dan peruncitan.



PROF. DR. YUSRI YUSOF

PROFESOR
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Prof. Dr. Yusri bin Yusof merupakan seorang professor di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Johor. Beliau mula berkecimpung di dalam bidang penyelidikan serat semulajadi sejak tahun 2011 melalui geran dalaman UTHM bertajuk "Maximize The Use Of Recycled Waste Paper Reinforced With Pineapple Leaf And Kenaf Fiber By Producing A New Product For Industry Application". Prof. Yusri telah mengambil langkah untuk menggunakan serat daun nanas bagi menghasilkan hasil produktif seperti kraf, kertas, tekstil dan pelbagai lagi. Sehingga kini, beliau telah terlibat dengan kolaborasi bersama Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia (LPNM), SIRIM, universiti-universiti dalam dan luar negara (UTM, UPM, Indonesia dan India), serta pengusaha kraf dan petani nanas demi menjayakan penyelidikan ini. Prof. Yusri bersama kumpulan penyelidikannya telah menghasilkan mesin *Pineapple Leaf Fiber Machine* (PALF M) yang berjaya menempah pelbagai anugerah di dalam negara (anugerah emas untuk Pecipta dan ITEX) mahupun peringkat antarabangsa (Korea). Publikasi Prof. Yusri di dalam bidang penyelidikan serat diiktiraf diseluruh dunia melalui jurnal seperti Scopus dan terbitan buku beliau dibawah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) bertajuk "Produk Serat Daun Nanas" menjadi rujukan pelbagai pihak. Terbaru, Prof. Yusri dengan kerjasama UPM serta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, telah melancarkan Program Pembangunan Hub Nanas pertama di Malaysia bertempat di Kuala Langat yang telah dirasmikan oleh ketua kementerian terbabit iaitu, YB Dr. Xavier Jayakumar.

